

IPTA bimbang kualiti graduan perubatan merosot

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar,
Norzilawati Abdul Halim dan
Kharina Yasin

UNIVERSITI awam yang menawarkan program perubatan bimbang peningkatan pengambilan pelajar tanpa perancangan menyebabkan kualiti pendidikan bidang itu merosot dan dikhuatiri tidak mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Pengalaman yang dilalui Fakulti Perubatan Universiti Malaya, apabila program Sarjana Muda Doktor Perubatan dan Pembedahannya ditarik balik oleh General Medical Council, United Kingdom pada 1985 kerana nisbah pensyarah dan pelajaranya tidak mengikut standard antarabangsa patut dijadikan teladan semua pihak terbabit.

Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Azhar Md Zain, berkata peningkatan pengambilan pelajar mengikuti program berkenaan di universiti awam dianggap tidak seimbang dengan keupayaan sesebuah universiti untuk melahirkan doktor berkelayakan

tinggi dan berwibawa.

"Saat paling kritisial ialah apabila pelajar tahun satu dan dua terpaksa menggunakan kemudahan makmal yang lebih kerap. Oleh itu, apabila pengambilan meningkat, ini akan menjelaskan mutu pengajaran kerana pelajar terpaksa berkongsi peralatan makmal."

"Mengajar perubatan memerlukan pensyarah bersemuka dengan pelajaranya dan nisbah setiap pensyarah adalah untuk empat pelajar adalah mematuhi piawaian perubatan antarabangsa," katanya ketika dighbungi di Kuala Lumpur, semalam.

Katanya, UPM akan mengambil 111 pelajar bagi sesi akademik Jun ini, iaitu melebihi had 100 pelajar seperti yang sepatahnya berdasarkan jumlah tenaga pengajar dan kemudahan fizikal.

"Kemudahan dua makmal sedia ada hanya boleh memuatkan 50 pelajar setiap makmal untuk memenuhi permintaan lebihan 11 orang itu, pihaknya terpaksa menambah peruntukan untuk membeli peralatan makmal."

"Pelajar sedia ada ialah 441 orang

tetapi kebanyakan mereka menjalani latihan klinikal di beberapa hospital kerajaan seluruh negara antaranya, Hospital Kuala Lumpur, Hospital Kajang, Hospital Bintulu, Hospital Kuala Pilah dan Hospital Daerah Hulu Terengganu," kata-

Sementara itu, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), akan mengambil 65 lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan matrikulasi bagi kemasukan Jun ini.

Timbalan Dekan, Prof Dr Hashami Bohari (Akademik dan Penyeleledikan), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Unimas, berkata jumlah itu tambahan lima pelajar berbanding jumlah yang dipersejui.

Katanya, fakulti itu yang mula mengambil pelajar sejak Jun 1995 kini mempunyai kira-kira 100 pensyarah termasuk yang sedang melanjutkan pengajaran di peringkat pakar atau sarjana di universiti dalam dan luar negara.

"Jumlah pensyarah yang ada dan bersedia mengajar mulai semester ini lebih daripada 70 orang dan kita

mengelakkan nisbah pensyarah dan pelajar kepada 1:4 atau 1:5 bergantung kepada masa, iaitu pensyarah yang menamatkan pengajian atau menyambung pengajian.

Sementara itu, Pemangku Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Dr Ismaili Zen, berkata ketika ini Fakulti Perubatan universiti itu di Kampus UIAM Kuantan hanya mampu menerima 80 pelajar baru setiap pengambilan.

"Kami perlu mengambil kira untuk memberi peluang kepada semua pelajar yang lulus cemerlang dari Pusat Matrikulasi UIAM untuk meneruskan pengajaran perubatan," katanya.

Mengenai keupayaan tenaga pensyarah, Dr Ismaili berkata, walaupun bilangan pensyarah perubatan mencukupi tetapi lebih 40 pensyarah sedang melanjutkan pengajar jian.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerusi Fakulti Perubatan menerima 215 pelajar baru bagi mengikuti pengajaran perubatan kemasukan Jun ini.

Menurut sumber fakulti itu, jum-

lah berkenaan melebihi keupayaan sebenar, iaitu 200 pelajar.

Fakulti juga perlu menampung 900 pelajar yang sedang mengikut pengajaran perubatan dan setakat ini nisbah pelajar dan tenaga pensyarah ialah 1:4.

Katanya, fakulti itu ketika ini masih kekurangan pensyarah perubatan yang pakar dalam bidang seperti anatomji, farmakologi dan fisiologi.

Naib Canselor, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Tan Sri Abu Hassan Othman berkata, universiti itu menawarkan tempat kepada 40 pelajar lepasan matrikulasi dan STPM bagi kemasukan Jun ini.

Katanya, jumlah itu meningkat sebanyak 10 pelajar berbanding kemasukan pada tahun lalu iaitu 30 orang dan peningkatan ini berseuaian dengan jumlah tenaga pengajar di fakulti perubatan yang kini berjumlah 15 orang.

"Pensyarah berkenaan bertanggungjawab menyelia 73 pelajar termasuk 40 pelajar baru dan kadar nisbah antara pensyarah dengan pelajar di UMS adalah terbaik, iaitu pada kadar 1:5 atau satu pensyarah untuk lima pelajar," katanya.